

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 MAY 2016

Dr. Mahathir bantu pembangkang semasa PRK

# BN tidak tergugat

UM - 25/5/2016

Oleh **MOHD. ASRON MUSTAPHA**  
mohdasron.mustapha@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 24 MEI

JENTERA Barisan Nasional (BN) tidak sedikitpun bimbang dengan kemungkinan Tun Dr. Mahathir Mohamad turun berkempen bagi pihak pembangkang dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Mohd. Salleh Said Keruak sebaliknya menegaskan, pentas pilihan raya kecil tersebut akan digunakan sepenuhnya oleh BN untuk menjelaskan perilaku sebenar bekas Perdana Menteri itu.

“Itu hak dia (berkempen menyokong pembangkang), Dr. Mahathir berhak berkempen kepada mana-mana calon kerana beliau bukan lagi ahli UMNO tetapi kita akan beritahu rakyat Dr. Mahathir sekarang bukan Dr. Mahathir yang dulu lagi.

“Walaupun sebagai bekas pemimpin beliau mempunyai pengaruh tersendiri, tetapi saya yakin pengundi di Sungai Besar



**Pentas pilihan raya kecil tersebut akan digunakan sepenuhnya oleh BN untuk menjelaskan perilaku sebenar bekas Perdana Menteri itu.”**

**MOHD. SALLEH SAID KERUAK**  
Menteri Komunikasi dan Multimedia

dan Kuala Kangsar akan terus memilih BN bagi mewakili mereka,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Terdahulu Salleh merasmikan penubuhan Program Khairat Yayasan Artis 1Malaysia (YA1M) yang diwujudkan bagi menjaga kebajikan artis tanah air beserta keluarga mereka, sama ada yang beragama Islam mahupun bukan Islam.

Menerusi program khairat tersebut, mana-mana pengiat seni yang menyertainya dengan yuran tahunan serendah RM100, mereka layak menerima pakej pengurusan jenazah lengkap

bernilai RM1,500 apabila berlaku kematian.

Selain itu, wang khairat berjumlah RM3,000 juga akan diberikan selepas 30 hari bersama badal haji secara percuma dan jika berlaku kematian akibat kemalangan, keluarga artis yang mendaftar akan menerima RM10,000.

Bagi artis bukan Islam pula, wang khairat RM1,500 akan diberikan pada hari kematian manakala tambahan RM4,500 lagi diberikan kepada keluarga mereka selepas 30 hari dokumen lengkap diterima pihak YA1M.

Mengulas lanjut mengenai Dr. Mahathir, Salleh berkata, sepatutnya sebagai seorang negarawan yang mendapat nikmat memerintah negara ini selama 22 tahun disebabkan UMNO, bekas Perdana Menteri itu sepatutnya merasa terhutang budi.

“Namun, hanya kerana tidak sependapat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, Dr. Mahathir memilih untuk melakukan sesuatu yang langsung tidak menguntungkan rakyat kecuali kepentingan peribadinya sahaja,” katanya.